

Edisi Kedua 2024

MITASA
KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Suara

MITASA

Bengkel e-TUIS,
bantu kesatuan
lebih efisien

Risiko psikososial
tempat kerja:
ke arah menjadikan UiTM
sebagai majikan yang
sihat dan selamat

Usah aniaya anak buah,
jawatan adalah amanah
dan keadilan

Kenapa Susahnya
Nak Naik Pangkat?

PTM beri pendedahan
kepada pensyarah baharu

Insentif Kecemerlangan
SPM terus bantu anak
ahli MITASA

ISSN 3083-6116



9 773063 611009

Permulaan yang sempurna

Suara MITASA

Suara MITASA Edisi Kedua 2024

©KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) 2024
37A,05 002/0, ARAS 5, BLOK A,
BANGUNAN FAKULTI SAINS GUNAAN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM),
SHAH ALAM, 40450, SELANGOR DARUL EHSAN.

Hak cipta terpelihara.

Tiada dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, atau cara lain sebelum mendapat keizinan daripada Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA). Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Majalah ini diterbitkan setahun dua kali dengan menggunakan dwi bahasa.



ISI KANDUNGAN


• Editorial	4
• Carta Organisasi	5
• Sekapur Sirih Presiden MITASA	6
• Tinta Ketua Pengarang	7
• Maklumat Penyelaras di UiTM Cawangan 2023-2025	8
• Intisari Mesyuarat Bulanan Exco MITASA Sesi 2023-2025	10
• MITASA sertai Poket Talks dan Bengkel e-TUIS, bina pekerja MALAYSIA MADANI Berkonsepkan 3K	12
• MITASA Terajui Program Saringan Risiko Psikososial Tempat Kerja 2024	13
• Lawatan penanda aras PKA UPM ke MITASA	14
• UiTM raikan Jemaah Haji 2024	15
• Roadtrip bertemu ahli cawangan dekatkan MITASA kepada ahli	16
• Seminar Pendidikan CUEPACS beri pendedahan awal Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)	17
• Sesi dialog wakil kesatuan akademik universiti awam bersama Menteri Pendidikan Tinggi	18
• Insentif Kecemerlangan SPM 2023 - MITASA bantu lebih 50 penerima	19
• Kunjungan hormat kepada Pendaftar UiTM	20
• Kursus Kepimpinan Muda CUEPACS perkenal modul modal insan cemerlang	21
• KAKUAM 2024	22
• PTM beri pendedahan kepada pensyarah baharu	24
• Kenapa Susahnya Nak Naik Pangkat?	26
• Bingung dipulaukan oleh pengutang? Menelusuri cara menuntut hutang melalui proses kehakiman	28
• Risiko psikososial tempat kerja: ke arah menjadikan UiTM sebagai majikan yang sihat dan selamat	30
• Cabaran penyeliaan kejururawatan ke lapangan klinikal	34
• Cabaran-cabaran Internet of Things (IoT)	36
• ABIM dan Pembinaan Bangsa Malaysia	38
• Usah aniaya anak buah: jawatan adalah amanah dan lakukan keadilan	41
• Menyesuaikan Teknologi Pengajaran dengan Gaya Belajar: Kunci untuk Penguasaan Pelajar	42
• Ada apa dengan MITASA?	43
• Fenomena Angkasa: Renungi kejadiannya, hayati kehebatan-Nya	44
• Tell Us A Story	46
• Harnessing Applied AI: Transforming Social and Applied Sciences in Malaysia	48
• Netiquette as a Savvy Principle in Social Media and Online Teaching and Learning	50
• Getting Ready for The Future: How Universities Shape Soft Skills	52
• From Isolation to Connection: How Organizational Can Revive Workplace Culture	54
• Memegang Takhta Lupa Dunia	56
• Menari	57
• Bicara Pekaka	58
• Menara Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS)	59

Suara MITASA

EDITORIAL



Penasihat
Saharuddin Lin



Ketua Pengarang
Mohd Amirul Akhbar
Mohd Zulkifli



Editor Bersekutu
Prof Madya Dr Faridah Hussain



Editor Bersekutu
Haliza Ab Ghani



Eksekutif Media
Siti Fatimah Awang



CARTA ORGANISASI



KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Presiden MITASA
Saharuddin Lin
Kolej Pengajian Alam Bina



Timbalan Presiden MITASA
Mohd Amirul Akhbar
Mohd Zulkifli
Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media



Setiausaha MITASA
Prof Madya
Dr Faridah Hussain
Fakulti Undang-Undang



Bendahari MITASA
Ts Nor Azlin Rosli
Kolej Pengajian Pengkomputeran
Informatik dan Matematik



Penolong Setiausaha MITASA
Sharifah Yuliana
Syed Ali Hanafiah
Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media



Exco Kebajikan
Dr Marfuzah Mohamed Zabidi
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS)



Exco Kebajikan
Atifah Othman
Fakulti Undang-Undang



Exco Penerbitan dan Media
Haliza Ab Ghani
Akademi Pengajian Bahasa



Exco Sukan
Dr Mohamad Firdaus Ahmad
Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi



**Exco Promosi, Sosial Media
dan Laman Web**
Dr Zaid Mujaiyid
Putra Ahmad Baidowi
Pusat Asasi UiTM



**Exco Promosi, Sosial Media
dan Laman Web**
Mohd Shahrudin Mohmud
Pusat Asasi UiTM



Exco Undang-Undang
Dr Adlan Abdul Razak
Fakulti Undang-Undang



Exco Aduan
Dr Mohammad Ghazali Masuri
Fakulti Sains Kesihatan



SAHARUDDIN BIN LIN

Presiden MITASA merangkap
Penasihat Suara MITASA

SEKAPUR SIRIH PRESIDEN MITASA

Alhamdulillah, dengan rahmat dan rahimNya maka Suara MITASA telah berjaya diterbitkan. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih ke atas Sidang Redaksi Suara MITASA dan semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Terima kasih juga kepada semua penyumbang artikel untuk dimuatkan didalam edisi kali ini.

Penerbitan Suara MITASA pada kali ini berhasrat untuk membantu pensyarah di dalam penerbitan mereka yang boleh digunakan dalam Laporan Penilaian Tahunan nanti. MITASA berusaha untuk mendapatkan ISBN bagi penerbitan Suara MITASA supaya penerbitannya menjadi satu penerbitan yang diiktiraf. Suara MITASA juga merupakan simbolik kejayaan dan pencapaian Mitasa sebagai sebuah Kesatuan yang memperjuangkan kebajikan, kepentingan dan kesejahteraan ahli-ahlinya. Di sini dipaparkan aktiviti-aktiviti barisan ahli majlis kerja Mitasa yang tidak berhenti saban minggu dan bulan dengan pelbagai aktiviti sebagai sebuah kesatuan.

MITASA berhasrat menjelang tahun 2025, jumlah keahlian MITASA berjumlah 3,000 orang ahli akademik UiTM untuk sama-sama memperjuangkan entiti keramat ini. MITASA ialah satu-satunya kesatuan yang memperjuangkan nasib ahli akademik di UiTM. Menurut Akta Kesatuan Sekerja (Akta Kesatuan Sekerja 1959 – Akta 262), hanya kesatuan yang berhak untuk membuat apa-apa tuntutan kepada majikan. Jika KPI 3000 ahli tercapai maka jumlah tersebut adalah 30% daripada ahli akademik UiTM yang berjumlah sekitar 9,000 orang. Kekuatan dari segi keahlian adalah perlu untuk menjamin MITASA dipandang sebagai kesatuan yang kuat.

Selain dari Suara MITASA, pihak kesatuan juga telah menaik-taraf laman web dan semua sosial media MITASA. Pendekatan secara maya dan maklumat yang sentiasa kemaskini, menjadi antara urusan penting pentadbiran MITASA. Maklumat yang lambat dikemaskini akan menjadi lapuk. Oleh yang demikian, saya amat berharap semua ahli MITASA dapat melayari serta LIKE semua sosial media kesatuan. X, Instagram, Facebook, Telegram, WhatsApp dan Youtube Channel telah tersedia untuk memberikan maklumat terkini kepada ahli-ahli atau bukan ahli. Ini diharap dapat menarik lebih ramai menyertai MITASA setelah melayari dan melihat pelbagai aktiviti yang telah dijalankan sepanjang 2024 ini. Marilah sertai MITASA untuk kita sama-sama mengukuhkan kesatuan ini. Jika tidak kita siapa lagi? Kitalah ahli akademik UiTM yang akan memperjuangkan nasib kita sendiri melalui MITASA. Suara MITASA akan sentiasa menjadi salah satu wadah untuk memperlihatkan kesatuan antara kita.

Akhir kata, semoga Suara MITASA akan terus menyampaikan maklumat kepada ahli-ahlinya di masa akan datang dan terus dapat dimanfaatkan oleh ahli-ahlinya. Terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat di dalam penerbitan edisi Suara MITASA kali ini.

Sekian, wasalam.

SAHARUDDIN LIN

Presiden

Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA)



MOHD AMIRUL AKHBAR
MOHD ZULKIFLI
Ketua Pengarang

TINTA KETUA PENGARANG

Perubahan demi perubahan berlaku dalam pergerakan masa. Itulah juga yang melanda dunia pendidikan negara dalam mewujudkan satu suasana pembelajaran yang harmoni dari kalangan warga yang bergelar pendidik. Begitu juga dengan Suara MITASA, kini kita selangkah ke hadapan dengan mewujudkan nombor ISSN iaitu International Standard Serial Number bagi membolehkan Suara MITASA pergi lebih jauh lagi setanding majalah-majalah lain. Semoga dengan adanya ISSN ini, ia akan menjadi satu permulaan yang sempurna untuk Suara MITASA di hadapan. Cabaran demi cabaran, namun itulah yang dilalui kepimpinan Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) dalam melakukan pelbagai penambahbaikan bagi memastikan MITASA kekal relevan di hati pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) seluruh Malaysia. Dunia semakin canggih, pelbagai teknologi baharu kini mula dimeriahkan kembali dengan seribu satu inovasi. Kita juga bagaikan hidup dalam dunia AI iaitu Artificial Intelligence yang memperjudikan segala kepintaran seorang manusia melalui pelbagai aplikasi yang membawa kepada seribu manfaat kepada masyarakat. Begitu juga dalam dunia pendidikan, ada yang menggunakan teknologi ini sebagai perantara terbaik dalam menyampaikan ilmu mereka kepada pelajar, ada yang menjadikannya sebagai salah satu medium pembelajaran. Itu adalah hak masing-masing. Suara MITASA masih berharap wadah ini tidak akan dilupakan walaupun teknologi semakin berkembang pesat, kita juga perlu setanding dengan perkembangan semasa ini. Malah MITASA sebagai sebuah badan yang menjaga kebajikan ahlinya sentiasa menyokong apa sahaja konsep penyebaran ilmu yang dilakukan warga pendidik sama ada melalui pembacaan buku, majalah, bahan-bahan ilmunan di perpustakaan mahupun melalui pelbagai aplikasi teknologi moden, asalkan ia membawa ilmu yang berkat kepada pelajar masing-masing. Kepada semua ahli MITASA, jadikan Suara MITASA ini sebagai salah satu wadah berguna dalam menyebarkan ilmu kepada pelajar, sama ada secara langsung atau pun tidak.

Ketua Pengarang Suara MITASA
MOHD AMIRUL AKHBAR MOHD ZULKIFLI

PENYELARAS MITASA DI UiTM CAWANGAN

2023-2025

ZON CAWANGAN	PENYELARAS PERHUBUNGAN		
UTARA	Perlis Abdul Hapes Mohammed Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 016-3188491 hapes@uitm.edu.my	Kedah Dr Khairul Adilah Ahmad Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 019-4791372 adilah475@uitm.edu.my	Kedah Anis Faradella Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 019-6996939 anisfaradella@uitm.edu.my
	Pulau Pinang Shaira Ismail Fakulti Pengurusan dan Perniagaan 013-4455669 sheeraz@uitm.edu.my	Perak (Tapah) Roslan Abd Wahab Fakulti Perakaunan 019-2632840 roslanawahab@uitm.edu.my	Perak (Sri Iskandar) Dr Husrul Nizam Husin@Husain Kolej Pengajian Alam Bina 019-3716348 husrul820@uitm.edu.my
	Pulau Pinang Muhammad Iqbal Shaharudin Fakulti Sains Kesihatan 011-21100280 iqbal262@uitm.edu.my		
TENGAH	Selangor Prof Madya Khairil Anuar Md Isa Fakulti Sains Kesihatan 019-9805501 khairil996@uitm.edu.my		
SELATAN	Negeri Sembilan (Seremban) Dr Nur Sofiah Abu Kassim Fakulti Sains Gunaan, Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar 012-5517700 nursofiah@uitm.edu.my	Negeri Sembilan (Kuala Pilah) Nur Hidayah Mohd Razali Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 017-9534450 hidayah3849@uitm.edu.my	Negeri Sembilan (Rembau) Dr Dzaa Imma Abdul Latiff Fakulti Komunikasi dan Media 016-3683181 dzaa17@uitm.edu.my
	Johor Dr Norbaiti Tukiman Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 019-7751404 norbaiti289@uitm.edu.my		
TIMUR	Pahang Rozeleenda Abdul Rahman Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 019-9772664 rozeleenda@uitm.edu.my	Terengganu Ts Yau'mee Hayati Hj Mohamed Yusof Fakulti Pengurusan Perniagaan 019-9890216 yaumee555@uitm.edu.my	Kelantan Dr Iskandar Hasan Tan Abdullah Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi 013-5188618 iskan777@uitm.edu.my
	Sarawak Suriani Jack Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 019-8884422 suejack@uitm.edu.my	Sabah Delia L. Olaybal Akademi Pengajian Bahasa 016-8304950 delia733@uitm.edu.my	

MICHAEL KREBBER
THE LIVING WEDGE

18. FEBRUAR – 30. APRIL 2017

MITASA

***DENYUTAN
AUTONOMI
AKADEMIA
UITM***

INTI SARI

MESYUARAT BULANAN EXCO MITASA SESI 2023-2025

Mesyuarat Bilangan 1 (20 Oktober 2023)

- Penetapan gerak kerja MITASA untuk Sesi 2023-2025
- Pembentukan portfolio dan bidang mengikut EXCO yang dilantik
- Perbincangan Usul untuk dibawa ke Majlis Bersama Jabatan (MBJ)



Mesyuarat Bilangan 2 (24 November 2023)

- Perbincangan mengenai pensyarah iCEPS
- Penggunaan GCR - General order dalam pengurusan UiTM
- Perbincangan untuk menyertai Majlis Besama Kebangsaan (MBK)

Mesyuarat Bilangan 3 (22 Disember 2023)

- Pembentangan kertas kerja Program Psikososial di Tempat Kerja
- Perbincangan untuk memurnikan Tabung Kebajikan MITASA
- Perbincangan untuk perjumpaan dengan Pengarah OKU, UiTM



Mesyuarat Bilangan 4 (26 Januari 2024)

- Perbincangan mengenai Pekeliling UiTM dan larangan cuti persendirian semasa semesta
- Perbincangan mengenai aktiviti sukan Bowling
- Laporan Bengkel CUEPACS
- Perbincangan mengenai Website MITASA



Mesyuarat Bilangan 5 (23 Februari 2024)

- Perbincangan mengenai perjumpaan dengan Naib Canselor
- Bengkel Gerak Tuju Gred Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun CUEPACS

Mesyuarat Bilangan 6
(22 Mac 2024)

- Perbincangan mengenai Program Ceramah Kenaikan Pangkat
- Perbincangan mengenai mencipta dua aplikasi baharu dalam MITASA bagi memudahkan pengurusan pentadbiran MITASA dan ahli.



Mesyuarat Bilangan 9
(28 Jun 2024)

- Perbincangan mengenai usul-usul yang perlu dibawa ke MBJ

Mesyuarat Bilangan 10
(25 Julai 2024)

- Perbincangan mengenai cadangan mewujudkan Ombudsman
- Perbincangan penyuntingan terakhir Suara MITASA



Mesyuarat Bilangan 11
(22 Mac 2024)

- Perbincangan mengenai penggunaan hosting luar untuk dua aplikasi yang bakal digunakan oleh MITASA



Mesyuarat Bilangan 7
(26 April 2024)

- Perbincangan mengenai Suara MITASA
- Cadangan program Bersama Bahagian Kemajuan Kerjaya UiTM



Mesyuarat Bilangan 8
(24 Mei 2024)

- Perbincangan mengenai lawatan Roadtrip MITASA ke beberapa cawangan



MITASA sertai Poket Talks dan Bengkel e-TUIS, bina pekerja Malaysia MADANI Berkonsepkan 3K

Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (MITASA) telah dijemput menyertai bicara Poket Talks Siri 2/2024 dan Bengkel e-TUIS Kesatuan Sekerja anjuran Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) dengan kerjasama Kesatuan Kakitangan Umum Universiti Teknologi Mara (KKUUTM) bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Universiti Teknologi MARA (UiTM) April lalu.

Poket Talks bertajuk “Membina Pekerja Malaysia MADANI Berkonsepkan 3K (Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan)” telah dirasmikan oleh Tuan Haji Mohd Asri Abdul Wahab iaitu Ketua Pengarah, JHEKS. Sementara kupasan terhadap tajuk itu telah dipertanggungjawabkan kepada Prof Emeritus Dr Durrishah Idrus, Ketua Eksekutif, Kolej Institut Jantung Negara (IJN College).

Menurut Presiden Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (MITASA), Saharuddin Lin penganjurkan bengkel berkenaan adalah amat bersesuaian memandangkan pelbagai urusan pentadbiran kini dijalankan atas talian

dan memudahkan kakitangan untuk melakukan pelbagai urusan dengan lebih cepat dan efektif.

“MITASA berharap pihak penganjur dapat melaksanakan bengkel ini setiap tahun bagi memudahkan pihak kesatuan mendapatkan pelbagai input dan pendedahan mengenai penggunaannya dari semasa ke semasa.

“Terima kasih kerana turut menjemput MITASA, ia sangat membantu kami untuk mendapatkan pelbagai maklum balas daripada pihak JHEK melalui bengkel yang diadakan,” katanya.

Tambahnya bengkel itu bertujuan memberikan pendedahan terhadap penggunaan e-TUIS iaitu perkhidmatan atas talian yang disediakan untuk setiap kesatuan bagi memudahkan urusan penghantaran borang dan sebagainya.

Bengkel yang melibatkan semua Setiausaha, Bendahari ataupun kakitangan tetap kesatuan sekerja yang berdaftar di bawah JHEK turut dihadiri oleh Setiausaha Pejabat MITASA, Puan Nadra Shafina Ab Rahman dan Setiausaha Media dan Korporat MITASA, Puan Siti Fatimah Awang.

MITASA Terajui Program Saringan Risiko Psikososial Tempat Kerja 2024



Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengalu-alukan langkah proaktif Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (MITASA) menganjurkan Program Saringan Risiko Psikososial Tempat Kerja 2024 melibatkan seluruh warga kampus khususnya bagi ahli akademik baru-baru ini.

Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Shahrin Sahib dalam ucapan perasmianya menegaskan kepentingan program ini sebagai salah satu medium yang baik untuk majikan mahupun individu itu sendiri bagi menilai tahap tekanan emosi yang dialami oleh mereka.

“Penting untuk kita membantu diri kita sendiri, mahupun majikan membantu pekerja-pekerjanya dengan analisis risiko yang dilakukan. Oleh itu, usaha yang dilakukan MITASA ini perlu dijadikan contoh kepada semua pihak. Semoga saringan seperti ini akan dilaksanakan secara berperingkat ke bahagian-bahagian lain di UiTM seperti kakitangan umum dan sebagainya, tidak hanya kepada warga pendidik sahaja.

“Pihak pengurusan UiTM, sentiasa menyokong segala usaha MITASA dalam menjaga kebajikan ahli-ahlinya termasuk dalam membantu menyediakan persekitaran tempat kerja yang sihat, selamat dan sejahtera,” katanya.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menerusi Hari Kesihatan Mental Sedunia 2023 terdapat lebih 1 bilion umat manusia di seluruh dunia yang berhadapan dengan gangguan mental di mana 14.7 peratus melibatkan mereka yang rata-ratanya tinggal di timur mediteranean. Tidak terkecuali dalam hal ini turut membabitkan rakyat Malaysia yang turut berisiko mengalami tahap tekanan yang tinggi, kebimbangan dan kemurungan.

Secara lazim, seorang pekerja akan menghabiskan sekitar lapan jam atau 1/3 sehari di tempat kerja. Pendedahan berterusan kepada aktiviti kerja dan persekitaran tempat kerja boleh membawa kepada gangguan kesihatan psikososial. Sehubungan itu, adalah penting bagi pihak majikan dan pekerja sentiasa memastikan tempat dan aktiviti pekerjaan itu dijalankan di dalam keadaan sihat dan selamat.

Sementara itu, Presiden MITASA, Saharuddin Lin menyatakan program ini dibuat secara atas talian dan pihak kesatuan bersetuju menaja khas 100 individu pertama yang terdiri daripada ahli-ahli MITASA yang menyertainya. Tambahnya lagi semua maklumat peserta adalah dirahsiakan dan hanya untuk kegunaan MITASA.

Lawatan penanda aras PKA UPM ke MITASA



MITASA sering kali menjadi bahan rujukan kesatuan-kesatuan lain dalam bidang pengurusan dan pentadbiran kesatuan mahupun penjagaan kebajikan ahli. Ini membawa langkah Persatuan Pegawai Akademik Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diwakili oleh Presidennya, Profesor Dr Jalila Abu dan Setiausaha Kehormat, Dr Sharifah Norkhadajah Syed Ismail hadir bagi membuat lawatan penanda aras ke MITASA, 29 Ogos lalu.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk ke arah penubuhan kesatuan sekerja di UPM. Menyambut kehadiran mereka ialah Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin, Timbalan Presiden MITASA, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli, Setiausaha, Prof Madya Dr Faridah Hussain, Bendahari, Ts Nor Azlin Rosli dan Exco Undang-Undang, Dr Adlan Abdul Razak.

Pertemuan selama dua jam tersebut banyak membincangkan dan memperincikan mengenai langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk menubuhkan sebuah kesatuan selain cara untuk mempromosikan penyertaan ahli.

Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin memberitahu, cadangan penubuhan itu wujud apabila pihak UPM menghadiri salah satu program anjuran MITASA dan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEK) pada tahun lalu.

“Di dalam program berkenaan, mereka tertarik untuk menubuhkan kesatuan kerana semua sedia maklum

kesatuan berbeza dengan persatuan. Pihak MITASA telah memberi maklumat beberapa perkara ke arah penubuhan sebuah kesatuan.

“Antaranya ialah perlunya menubuhkan jawatankuasa penaja yang terdiri daripada ahli-ahli persatuan sendiri yang sudah sedia ada. MITASA menyarankan persatuan sedia ada tidak dibubarkan ia adalah kerana kesatuan hanya menerima keahlian dari gred 45 hingga 56 sahaja. Oleh yang demikian, mereka yang berjawatan profesor masih boleh bernaung di bawah persatuan sedia ada.

“MITASA juga memberikan cadangan untuk menarik kehadiran ahli ke Mesyuarat Agung, selain itu MITASA juga menyediakan contoh-contoh borang seperti borang pencalonan, undi sulit, notis dan tempoh-tempoh yang perlu dipatuhi ke arah penubuhan sebuah kesatuan.

“MITASA juga turut menasihatkan untuk membuat draf perlembagaan bagi diluluskan dalam Mesyuarat Agung pertama. MITASA juga menyarankan diadakan Mesyuarat Agung Tri-Tahunan.

“Ini adalah selaras dengan amalan dalam Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) sendiri. Mitasa juga menyarankan supaya kesatuan yang akan ditubuhkan ini bernaung di bawah CUEPACS,” katanya.



UiTM raikan Jemaah Haji 2024

Bersempena musim haji bagi tahun ini, Universiti Teknologi MARA (UiTM) menerusi Bahagian Hal Ehwal Islam mengambil kesempatan meraikan warganya yang bakal menjadi tetamu Allah Subhanahuwataala dalam Majlis Meraikan Bakal Haji UiTM 1445H yang disempurnakan oleh Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Shahrin Sahib, awal Mei lalu.

Profesor Datuk Dr Shahrin Sahib dalam ucapannya menyatakan rasa syukur dan berbesar hati atas kesempatan meraikan warga UiTM yang bakal mengerjakan haji serta mendoakan agar perjalanan ke Tanah Suci dipermudahkan dan dikurniakan haji yang mabrur. Beliau juga mengingatkan tentang kepentingan menjaga niat yang ikhlas dan memperbanyakkan ibadah secara khusyuk sepanjang berada di Mekah dan Madinah.

Lebih 50 peserta melibatkan kakitangan UiTM telah diraikan dalam majlis berkenaan. Sementara itu dalam majlis yang sama Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (MITASA) telah turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM200 dan mendoakan kesejahteraan semua ahli MITASA yang menunaikan ibadah haji.

Majlis yang diadakan di Ruang Solat Tambahan, Masjid UiTM Shah Alam itu turut di hadiri oleh Presiden Mitasa, Encik Saharuddin Lin dan Exco Kebajikan Mitasa, Dr Mahfuzah Mohamed Zabidi.



Roadtrip bertemu ahli cawangan dekatkan MITASA kepada ahli

Sudah menjadi kebiasaan kepada Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) untuk menyantuni ahli-ahlinya dari seluruh cawangan UiTM bagi mendapatkan pelbagai maklum balas mengenai kebajikan mahupun masalah-masalah yang dialami mereka di cawangan masing-masing.

Untuk tahun 2024, MITASA berpeluang mengadakan Roadtrip bertemu ahli ke tiga lokasi iaitu Kedah, Penang dan Negeri Sembilan, pada Jun lalu.

Rombongan MITASA diketuai Presiden, Encik Saharuddin Lin, Timbalan Presiden, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli, Bendahari, Ts Nor Azlin Rosli, Penolong Setiausaha, Syarifah Yuliana Syed Ali Hanafiah, Exco Penerbitan dan Media, Puan Haliza Ab Ghani dan Exco Sukan, Dr Mohammad Firdaus Ahmad.

Kampus pertama yang dikunjungi ialah UiTM Cawangan Kedah yang disambut oleh Timbalan Rektor Akademik, Dr Junaida Ismail dan Penyelaras Mitasa Cawangan UiTM Kedah, Dr Khairul Adilah Ahmad dan Puan Anis Faradila serta ahli-ahli MITASA cawangan.

Seterusnya rombongan bergerak ke UiTM Cawangan Pulau Pinang dan disambut oleh Penyelaras MITASA UiTM Pulau Pinang iaitu Puan Shaira Ismail. Pada bulan Julai pula, roadtrip yang sama diadakan di Seremban melalui Program Jalinan Ukhwah Kakitangan Akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS).

Lawatan ke tiga-tiga lokasi cawangan UiTM kali ini membawa pelbagai input yang menarik kepada MITASA dalam membantu kebajikan, keperluan dan mengatasi masalah-masalah yang dialami ahli-ahli dari seluruh negara. Banyak perkara yang dibincangkan mengenai permasalahan dan penambahbaikan yang perlu dicadangkan kepada pihak berkaitan, terutamanya melibatkan tadbir urus pensyarah di fakulti.

Kebanyakan masalah dan isu yang diutarakan oleh ahli-ahli MITASA di cawangan adalah hampir sama, tidak termasuk isu secara peribadi. MITASA sebagai sebuah badan yang sentiasa cakna dengan masalah yang dialami ahli akan mendokumenkan isu-isu yang dibawa.

MITASA akan membantu melalui cara dan kaedah yang bersesuaian dan akan dilakukan secara berhemah. Ia amat penting bagi memastikan kebajikan ahli terjaga dan mereka mendapat segala manfaat yang disediakan dalam MITASA.





Seminar Pendidikan CUEPACS beri pendedahan awal Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)

Bagi membantu memberi pelbagai pendedahan mengenai tawaran yang disediakan kepada penjawat ke arah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), satu Seminar Pendidikan telah dianjurkan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) pada Jun lalu bertempat di Melia Hotel, Kuala Lumpur.

Seminar berkenaan turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) yang masing-masing memberi maklum balas mengenai pelbagai tawaran yang disediakan pihak mereka kepada penjawat awam.

Ceramah berkaitan disampaikan oleh wakil-wakil agensi yang terlibat manakala tetamu jemputan pula terdiri daripada Ahli Majlis Tertinggi CUEPACS dan presiden-presiden kesatuan sekerja yang bernaung di bawah CUEPACS.

Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin sebagai Ahli Majlis Kongres CUEPACS telah menyertai program berkenaan dan mendapat pelbagai maklum balas dan input yang berguna mengenai tawaran yang disediakan kepada penjawat awam ke arah perkhidmatan awam tidak berpenyen dan sistem SSPA.

Antara perkara yang banyak ditekankan ialah mengenai pemansuhan sistem pensen yang akan digantikan dengan caruman KWSP bagi kakitangan awam yang baharu. Selain itu, PERKESO juga mencadangkan supaya kakitangan awam diberikan perlindungan di bawah mereka pada masa akan datang.

Sementara itu, dalam masa yang sama, pada hari kedua, turut diadakan Majlis Penganugerahan Bintang dan Pingat CUEPACS seterusnya Mesyuarat Ahli Kongres Majlis CUEPACS Bil 3 (Sesi 2022-2025).

Sesi dialog wakil kesatuan akademik universiti awam bersama Menteri Pendidikan Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi dan Majlis Presiden Persatuan Akademik (MPPA) telah menganjurkan satu Sesi Dialog Wakil Kesatuan Akademik Universiti Awam bersama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr Zambry Abdul Kadir di Wyndham Grand Bangsar, Kuala Lumpur, Jun lalu.

Sesi dialog lebih sejam itu turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Profesor Dato' Seri Ir Dr Zaini Ujang, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT), Datuk Profesor Dr Azlinda Azman dan semua presiden kesatuan dan persatuan akademik universiti awam.

Dalam sesi berkenaan, wakil universiti awam diketuai oleh Pengerusi Majlis Presiden Persatuan Akademik (MPPA), Profesor Madya Ir Dr Nasharuddin Zainal dan Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Prof Dr Ahmad Ismail.

Menurut Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin, pelbagai perkara dibincangkan dalam sesi berkenaan terutamanya isu-isu berbangkit yang dihadapi oleh kakitangan akademik dari seluruh universiti.

"Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai sistem kehadiran iaitu 'clock in-clock out'. Ini adalah kerana realiti kerja pensyarah tidak sama dengan pentadbir yang berkerja bermula 8 pagi hingga 5 petang. Ada pensyarah yang memulakan kerja jam 6 petang hingga 11 malam. Ia mengikut keperluan semasa.

"Ada universiti yang hanya mengamalkan 'clock in' sekali sahaja, dimana-mana kawasan kampus. Ada juga universiti

yang perlu mencapai 45 jam 'clock in-clock out', ada juga perlu 39 jam sahaja, maka berlaku ketidakseragaman pelaksanaan dalam isu ini.

"Selain itu ialah isu pemerolehan geran pendidikan yang dijadikan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) oleh sesetengah universiti sebagai sebahagian daripada penilaian tahunan. KPI ini sangatlah tidak adil bagi sesetengah pensyarah kerana kesukaran untuk pensyarah memperolehi geran tersebut," katanya.

Di dalam sesi berkenaan, turut dimaklumkan juga bahawa KPT tidak akan melayan sebarang tuntutan daripada persatuan dan hanya akan memberi fokus kepada tuntutan daripada kesatuan sahaja, selaras dengan apa yang termaktub dalam Akta Kesatuan Sekerja 262 (1955).

"Oleh yang demikian persatuan disarankan untuk menubuhkan kesatuan di universiti masing-masing. Setakat ini hanya ada empat kesatuan sahaja di seluruh universiti awam iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

"Selain itu, turut dibincangkan ialah peluang kenaikan pangkat secara setara, contohnya pensyarah yang tidak mempunyai Doktor Falsafah (PHD) dan sebagainya. Isu kecemerlangan kepimpinan universiti awam yang memerlukan perhatian dan pertimbangan pihak KPT dan yang terakhir ialah beban kakitangan akademik yang dikaitkan dengan 'work life balance' di Malaysia. Ini adalah untuk memastikan ekosistem pendidikan tinggi yang terus kekal sihat dan mampan," katanya.





Insentif Kecemerlangan SPM 2023 - MITASA bantu lebih 50 penerima

Bukan sahaja kebajikan ahli, malah Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) juga turut menyalurkan sumbangan kepada anak-anak ahli MITASA yang memperoleh kejayaan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, setiap tahun.

Meneruskan tradisi, untuk tahun ini, MITASA telah mengadakan Majlis Penyampaian Insentif Kecemerlangan SPM 2023-MITASA pada 28 Jun dan turut mendapat kerjasama daripada pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR).

Lebih 20 anak-anak ahli MITASA yang layak telah hadir bersama ibu bapa masing-masing bagi menerima insentif tersebut di sini yang turut dihadiri Ketua Pustakawan PTAR, Ts Haji Azizi Jantan.

Timbalan Presiden MITASA, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli dalam ucapannya berkata, sumbangan kecemerlangan tersebut bukanlah besar jumlahnya jika hendak dibandingkan dengan keterujaan ibu bapa untuk melihat anak-anak melangkah ke menara gading.

Katanya, usaha MITASA ini adalah satu sumbangan kecil untuk anak-anak ahli MITASA dalam menyediakan keperluan untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

“Kebetulan pula hari ini akan keluar keputusan untuk kemasukan ke universiti. Kami di MITASA mengalu-alukan kedatangan anak-anak kita semua ke UiTM bagi menyambung pelajaran dalam bidang yang diminati masing-masing.

“Semoga berjaya satu hari nanti dalam apa sahaja yang kita ceburi, banggakan ibu bapa anda dan balaslah jasa mereka sebaik mungkin. Jadilah anak Malaysia yang berguna untuk negara, bangsa dan agama,”katanya.

Mohd Amirul memberitahu, untuk majlis berkenaan, pihaknya meraikan hanya separuh daripada jumlah keseluruhan lebih 50 penerima untuk Insentif SPM-MITASA kali ini. Ini kerana, untuk ahli yang berada di cawangan dan negeri lain, sumbangan disampaikan melalui penyelarasan cawangan ataupun pemindahan sumbangan terus ke akaun penerima.



Kunjungan hormat kepada Pendaftar UiTM

Objektif utama penubuhan Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) ialah untuk menjaga kebajikan ahlinya dan sejak ditubuhkan, MITASA menjadi satu entiti yang kuat untuk dijadikan panduan kepada ahli ketika mereka berdepan dengan masalah sama ada secara peribadi mahupun umum di peringkat universiti.

Berdasarkan aduan yang diterima, MITASA telah pun mengadakan satu kunjungan hormat dan ramah mesra ke Pejabat Pendaftar UiTM pada 9 Julai lalu bagi mengentengahkan pelbagai isu yang diadukan kepada MITASA.

Rombongan yang diketuai Presiden, Encik Saharuddin Lin turut disertai exco-exco tertinggi MITASA membawa isu-isu personal yang tidak dapat dibincangkan dan diselesaikan di peringkat Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) UiTM.

“Alhamdulillah, kami menerima maklum balas positif dari Pendaftar, Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin yang menyambut mesra kedatangan MITASA walaupun beliau masih kepenatan kerana berkejaran dengan tugas hakiki pada hari ini.

“Pelbagai isu kita bawa dan salah satunya ialah berkenaan dengan permohonan untuk membuat penilaian semula ke atas markah laporan LNPT tahun 2021 melibatkan pensyarah Orang Kurang Upaya (OKU) dari cawangan Selangor yang mendapat markah 54 peratus.

“Kita juga membawa isu pensyarah yang akan bersara tetapi masih berada dalam gred lantikan iaitu DM45 dan sehingga kini, pihak pendaftar juga memaklumkan ada beberapa orang pensyarah yang berada dalam kategori tersebut. Hal ini telah dibincangkan dengan teliti dan pihak pendaftar meminta supaya pensyarah berkenaan mengisi permohonan walaupun wujud masalah teknikal semasa mengisi borang berkenaan.

“Isu lain ialah berkenaan dengan cuti separuh gaji oleh pensyarah yang mengalami masalah tekanan mental. Ini adalah hasil lawatan MITASA ke cawangan yang mana ada pensyarah yang ingin memohon cuti separuh gaji melibatkan hal berkenaan.

“Selain itu, masalah mengenai cuti yang telah dimansuhkan dan tidak boleh dibawa ke hadapan. Ini adalah berikutan daripada kegagalan pensyarah berkenaan untuk membuat kemaskini rekod cuti beliau semasa mengisi borang cuti. Pendaftar memaklumkan perkara berkenaan akan diperhalusi pihaknya dan meminta MITASA untuk mendapatkan permohonan lanjut dari semasa ke semasa mengenai isu yang dibawa,” katanya.

Kursus Kepimpinan Muda CUEPACS perkenal modul modal insan cemerlang



Pelbagai inisiatif dilakukan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dalam membantu ahli-ahli kesatuan di bawahnya terutamanya dalam memberi pelbagai pendedahan mengenai modal insan yang cemerlang dalam organisasi.

Terdahulu, CUEPACS telah mengadakan Kursus Kepimpinan Muda CUEPACS 2024 yang telah berlangsung di Bukit Merah Lake Town Resort pada 26 hingga 28 Julai 2024 lalu melibatkan 115 orang peserta terdiri daripada ahli kesatuan gabungan di bawah CUEPACS. MITASA diwakili oleh Exco Sukan, Dr Mohamad Firdaus Ahmad.

Kursus berkenaan telah memperkenalkan beberapa modul iaitu modul pembangunan insan kecemerlangan organisasi, pemeraksanaan jati diri dalam organisasi, kepentingan kerja berkumpulan, pengendalian stres di dalam organisasi dan komunikasi berkesan dalam organisasi.

Program berkenaan juga membawa keterlibatan peserta dalam kumpulan dan banyak aktiviti yang dijalankan memerlukan kerjasama daripada semua ahli

kumpulan, sekaligus membantu mendidik diri peserta untuk hidup bersama dalam masyarakat pelbagai kaum.

Bukan itu sahaja, turut dikongsikan juga mengenai kemahiran pengurusan, kepimpinan dalam pengurusan, sikap positif dan kawalan emosi, permasalahan dalam kerja berkumpulan, metodologi tangani stres, arah dan sasaran komunikasi serta kesan komunikasi dalam masyarakat.

Apa yang dibawa dalam modul-modul berkenaan mungkin tidak boleh dipelajari di luar namun sepanjang program berlangsung, semua peserta masing-masing berusaha bersungguh-sungguh untuk menambah baik apa sahaja yang dirasakan perlu, sama ada untuk diri sendiri mahupun organisasi yang diwakili.

Kursus tersebut dimulakan dengan ucapan daripada Timbalan Presiden II merangkap Pengerusi Jawatankuasa 2P CUEPACS manakala majlis penutup dilaksanakan oleh Presiden CUEPACS, Dato' Dr Haji Adnan Mat.

Dr Mohamad Firdaus Ahmad turut memenangi beberapa pertandingan dan serta berjaya menjadi Kumpulan Terbaik Keseluruhan kursus tersebut.

KAKUAM 2024



Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) telah menganjurkan satu persidangan iaitu Konvensyen Akademik Kebangsaan Universiti Awam Malaysia (KAKUAM 2024) yang diadakan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang 10 Oktober lalu.

KAKUAM merupakan program persidangan yang bertujuan untuk membincangkan isu, cabaran dan status terkini mengenai pengajian tinggi negara. KAKUAM juga berhasrat untuk menyatupadukan seluruh staf akademik di Universiti Awam ('UA') di Malaysia dalam memperjuangkan hak, kepentingan dan harapan mereka dan demi kecemerlangan UA serta pembangunan sektor pendidikan tinggi.

Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi Mara (MITASA) juga tidak terkecuali menyertai persidangan tersebut dan diwakili oleh Presiden, Saharuddin Lin, Setiausaha, Prof Madya Dr Faridah Hussain, Penolong Setiausaha, Syarifah Yuliana Syed Ali Hanafiah, Bendahari, Ts Nor Azlin Rosli dan Exco Promosi, Sosial Media dan Laman Web, Mohd Shahrudin Mohmud.

Majlis Perasmian di hadiri oleh Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia (USM) mewakili Naib Canselor USM, Prof Dato Gs Dr Narimah Samat, Timbalan Ketua Pengarah, Akademik dan Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi mewakili Ketua Pengarah, Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Dr Zainal Amin Ayub dan Timbalan Ketua Pengarah, Pembangunan, Jabatan Perkhidmatan Awam mewakili Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Datuk Dr Anessee Ibrahim dan Presiden MAAC, Prof Dr Ahmad Ismail.



Tiga forum utama dibahagikan dalam persidangan tersebut melibatkan panel-panel jemputan dari seluruh Malaysia. Forum pertama bertajuk Tatakelola Universiti Awam Meningkatkan Kualiti dan Akauntabiliti. Ahli panelnya ialah Presiden Persatuan Staf Akademik Universiti Sultan Zainal Abidin (PSAUniSZA), Prof Madya Dr Berhanundin Abdullah, Presiden Persatuan Akademik Universiti Teknologi Mara (UTIMAS), Prof Madya Dr Fadilah Puteh dan Presiden PPA UNIMAS, Dr Juna Liau serta dikendalikan oleh Moderator, Prof Dr Nuarrual Hilal Md Dahlan, merangkap Exco MAAC.

Forum kedua di sebelah petang bertajuk Autonomi Universiti Awam dan Status Badan Berkanun Cabaran dan Peluang. Ahli panel yang dijemput ialah Presiden Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi Malaysia (PKAUTM), Prof Madya Dr Abd Rahman Tamuri, Presiden Persatuan Staf Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEMASA), Prof Ir Dr Badrul Hisham Ahmad dan Naib Presiden 1 MAAC, Datuk Dr Omar Shawkataly dan dikendalikan oleh moderator Prof Dr Mohd Ridhuan Tee Abdullah merangkap Exco MAAC.

Forum ketiga pula bertajuk Kecemerlangan Akademia dan Laluan Kerjaya Mencapai Keseimbangan Antara Kualiti dan Kebajikan. Ahli panel yang terlibat ialah Prof Ts Dr Shukor Abd Razak iaitu Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UniSZA dan Prof Ir Dr Widad Ismail, Profesor dari USM serta dikendalikan oleh moderator Prof Dr Fauzilah Salleh, merangkap Exco MAAC.

PTM beri pendedahan kepada pensyarah baharu

Satu forum Transformasi Minda (PTM) telah diadakan di ILD Kampung Gajah, Perak pada hujung Julai lalu bagi memberi pelbagai pendedahan kepada pensyarah-pensyarah yang baru menyertai Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Forum berkenaan turut menjemput Presiden Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA), Encik Sahrudin Lin sebagai salah seorang ahli panel di samping ahli panel lain iaitu Pengarah Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM, Profesor Madya Dr Ashrof Zaki Yaakob dan Pengerusi Koperasi UiTM, Encik Shahrudin Hanip. Turut mengiringi, Timbalan Presiden MITASA, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli.

Forum selama dua jam tersebut memberi pelbagai input yang berguna kepada pensyarah, sekaligus diperkenalkan dengan organisasi yang hadir bagi memberi pendedahan kepada keterlibatan pensyarah selepas ini.

MITASA juga turut berkongsi mengenai peri pentingnya pensyarah menyertai kesatuan, kebajikan yang disediakan, syarat untuk menyertai MITASA dan sebagainya.

Untuk pusingan kedua, semua wakil-wakil organisasi yang hadir berkongsi mengenai kelebihan masing-masing, dan daripada maklum balas yang diterima, MITASA menerima lebih 40 borang permohonan baharu selepas tamat program berkenaan.

Langkah ini amat penting supaya pensyarah-pensyarah baharu ini tidak terlepas peluang yang ada terutamanya untuk mendapat segala manfaat yang MITASA sediakan kepada ahli.



ONE WAY TO
KEEP
MOMENTUM
GOING IS

TO HAVE
CONSTANTLY
GREATER
GOALS

- MICHAEL KORDA

Kenapa Susahnya Nak Naik Pangkat?

Saharuddin Lin

Pensyarah Kolej Pengajian Alam Bina

Proses naik pangkat sememangnya mencabar. Kesukaran untuk naik pangkat boleh disebabkan oleh beberapa faktor. Banyak aduan diterima dari ahli-ahli MITASA dari seluruh cawangan UiTM berikutan isu ini. Secara umumnya faktor berikut ialah beberapa sebab kesukaran dinaikkan pangkat.

Faktor pertama ialah persaingan. Dalam kebanyakan organisasi, terdapat persaingan sengit untuk jawatan yang lebih tinggi. Rakan sekerja yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sama bersaing untuk peranan yang sama. Persaingan adalah baik jika ianya persaingan yang sihat. Namun persaingan akan menjadi faktor kegagalan untuk naik pangkat jika peluang salah seorang akan terjejas oleh persaingan tersebut.

Sebagai contoh, jika ketua jabatan merasakan seseorang adalah pesaing kepadanya, maka peluang untuk seseorang itu naik pangkat akan terjejas. Kemungkinan markah prestasi pesaingnya akan dinilai rendah untuk menjadikan pensyarah berkenaan tidak layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat. Namun kini, proses penilaian telah berubah dan ketua jabatan hanya menilai 20 markah sahaja dari keseluruhan.

Faktor keterlihatan (versibiliti) juga dilihat memainkan peranan penting. Diperhatikan oleh pembuat keputusan

adalah penting. Jika sumbangan seseorang pensyarah tidak kelihatan atau diiktiraf, ia boleh menghalang peluang beliau untuk dinaikkan pangkat. Pekerja yang bekerja dengan tekun tetapi tidak disedari oleh pembuat keputusan mungkin bergelut dengan kenaikan pangkat. Adalah penting untuk mempamerkan sumbangan anda secara aktif dan membina hubungan.

Kegagalan di dalam temuduga juga sering menjadi antara sebab kegagalan naik pangkat. Syarat yang tidak ada dalam senarai syarat naik pangkat telah menyebabkan peluang naik pangkat tersangkut. Sepatutnya proses temuduga boleh ditukar kepada proses bual bicara. Soalan berkaitan hal-ehwal organisasi dan perancangan pensyarah untuk masa depan adalah antara soalan yang boleh ditanya. Ini adalah kerana, pensyarah berkenaan telah memenuhi syarat di dalam sistem kenaikan pangkat. Butang 'comply' boleh ditekan bermakna pensyarah berkenaan telah memenuhi syarat. Namun, peluang naik pangkat masih tersekat di peringkat temuduga.

Kegagalan dalam proses temuduga biasanya akan dimaklumkan di dalam surat kepada calon-calon berkenaan. Berikutan itu, pensyarah berkenaan perlu berusaha untuk memenuhi kekurangan yang dinyatakan. Sebagai contoh, pensyarah diminta memperoleh kelayakan professional. Setelah berjaya dalam permohonan kelayakan professional tersebut maka beliau layak untuk

ditemuduga pada peringkat kedua dan akan dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

Namun, terdapat kes-kes setelah pensyarah berkenaan gagal temuduga pertama maka telah diminta untuk memenuhi syarat-syarat tambahan seperti yang dinyatakan di dalam surat pemberitahuan. Setelah berjaya memenuhi syarat-syarat tersebut maka pensyarah berkenaan dipanggil untuk temuduga kedua. Malangnya, timbul pula syarat-syarat baru yang perlu dipenuhi. Syarat-syarat baru ini diberikan oleh barisan panel yang lain. Ini tentu sekali akan menyebabkan pensyarah berkenaan merasa sangat kecewa.

Kadangkala, terdapat jurang kemahiran yang diperlukan untuk dibolehkan kenaikan pangkat ke peringkat seterusnya. Meningkatkan kemahiran dan menunjukkan kemahiran tersebut adalah penting. Kadangkala, kemahiran yang diperlukan untuk jawatan yang lebih tinggi berbeza daripada yang diperlukan dalam peranan semasa. Ini amat penting terutama apabila memohon jawatan yang lebih tinggi seperti ke tahap profesor. Jawatan profesor memerlukan tahap kecemerlangan akademik yang tinggi untuk layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan berkenaan. Meningkatkan kemahiran dan menunjukkan kemahiran ini boleh meningkatkan peluang untuk kenaikan pangkat.

Politik dan berat sebelah di kalangan pentadbir akademik sering diperkatakan menjadi punca susahna naik pangkat terutama di fakulti dan kolej pengajian. Politik pejabat dan berat sebelah ini secara tidak sedar boleh menjejaskan peluang kenaikan pangkat. Menelusuri politik pejabat boleh menjadi rumit. Pilih kasih, berat sebelah dan dinamik kuasa boleh menjejaskan kenaikan pangkat. Terdapat kes di mana Ketua Jabatan mengamalkan sikap 'marking' kakitangan yang beliau tidak berkenan maka peluang naik pangkat sudah pasti hilang. Sikap 'favoritism' juga akan menjadi penghalang kepada proses naik pangkat.

Di antara isu politik pejabat yang sering kedengaran ialah dekan atau ketua jabatan tidak serasi dengan pensyarah tertentu. Jika situasi ini berlaku maka pensyarah berkenaan mungkin tidak ada peluang untuk naik pangkat. Pernah berlaku, borang permohonan tidak dimajukan di peringkat fakulti atau gugusan. Permohonan tidak disokong di peringkat fakulti lagi. Pensyarah berkenaan menunggu bagi buah yang tidak gugur. Rupa-rupanya permohonan tidak disokong atau tidak dimajukan. Pensyarah berkenaan hanya mengetahui permohonan beliau tidak dimajukan apabila berlaku perubahan kepimpinan di peringkat fakulti.

Ada pensyarah yang telah berkhidmat selama lebih 15 tahun tetapi masih belum dinaikkan pangkat. Ini adalah kerana beliau seorang yang agak vokal dan sering menyuarakan rasa tidak puas hati kepada pimpinan jabatan atau fakulti. Beliau terpaksa menunggu bertahun-tahun untuk permohonan beliau dimajukan. Setelah berlaku perubahan pucuk pimpinan, maka barulah permohonan beliau bergerak untuk diproses. Politik, pilih kasih sememangnya boleh membantutkan peluang naik pangkat. Oleh yang demikian, membina rangkaian yang kukuh dan mengekalkan profesionalisme di dalam jabatan adalah penting untuk kenaikan pangkat.

Prestasi tinggi yang konsisten adalah penting. Pensyarah perlu memenuhi bakul-bakul markah seperti pengajaran, penyeliaan, penerbitan serta khidmat universiti dan masyarakat. Kesemua bakul perlu dipenuhi untuk membolehkan markah penilaian tahunan melepasi tahap yang ditetapkan. Salah satu kategori penilaian prestasi ialah penyeliaan. Kebanyakan pensyarah cawangan sering tertekan kerana di cawangan kebiasaannya tiada program lepasan siswazah. Ini telah menyukarkan peluang pensyarah-pensyarah ini untuk memenuhi syarat 'penyeliaan' yang menjadi salah satu kategori penting dalam penilaian prestasi dan syarat kenaikan pangkat.

Sebagai contoh, pensyarah di Kampus Cawangan UiTM Pasir Gudang, Johor menghadapi masalah memenuhi syarat penyeliaan tersebut. Dikatakan mereka dibolehkan menjadi penyelia bersama (co-supervisor), namun peluang untuk menjadi penyelia bersama bukanlah mudah jika pensyarah berada di cawangan. Kadang-kala pensyarah berkenaan yang telah memperoleh pelajar sarjana atau PhD yang diperlukan, malangnya, pelajar berkenaan dirampas semasa proses pendaftaran. Proses pendaftaran dijalankan di Shah Alam. Apabila pelajar mendaftar di Shah Alam, akan ada 'tangan-tangan ghaib' yang menarik pelajar pasca siswazah ini untuk bernaung di bawah penyelia lain. Kononnya untuk memudahkan proses penyeliaan sebab penyelia dan pelajar seeloknya berada di cawangan yang sama. Proses penyeliaan akan menjadi lebih mudah.

Masalah syarat penyeliaan sebenarnya boleh diatasi. Pekeliling Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik Tahun 2018 telah mengariskan 14 syarat kesetaraan penyeliaan. Ini memberi kelegaan kepada pensyarah cawangan yang tidak ada pelajar pasca siswazah dan juga pensyarah 'servicing'. Pensyarah perlu memenuhi empat (4) syarat sahaja. Bagi trek kepimpinan institusi, pensyarah berkenaan perlu memenuhi mana - mana dua (2) kriteria kepimpinan yang diberi yang memberi impak signifikan kepada fakulti, universiti atau negara. Malangnya, terdapat kes pensyarah yang memenuhi 7 dari 14 syarat kesetaraan tersebut namun masih dinafikan peluang untuk dinaik pangkat.

Memenuhi sasaran, mengambil inisiatif yang lebih dan melangkaui hakiki kerja boleh membezakan seseorang pensyarah dengan pensyarah yang lain. Syarat kesetaraan di dalam garis panduan yang telah disediakan sepatutnya menjadi penyelamat. Cuma kadang-kala penilaian tetap memerlukan syarat penyeliaan mengikut acuan penilai sendiri.

Kekangan masa dan belanjawan adalah antara faktor yang mempengaruhi peluang untuk naik pangkat. Kenaikan pangkat selalunya bergantung pada kitaran organisasi, ketersediaan belanjawan dan penstrukturan semula. Soal masa, ketekunan, peningkatan diri dan rangkaian strategik boleh meningkatkan peluang seseorang untuk meningkat. Melihat kepada proses naik pangkat di UiTM, syarat-syarat naik pangkat yang sering berubah telah menyebabkan peluang untuk naik pangkat menjadi semakin sukar. Pintu gol yang sering beralih selari dengan masa menjadikan semua persediaan yang telah dibuat perlu dipertingkatkan kerana syarat-syarat yang semakin bertambah.

Syarat naik pangkat tanpa PhD dari Gred DM45 ke DM52 yang memerlukan 10 tahun berkhidmat bersama kesetaraan PhD memang sukar untuk dicapai. Syarat 20 tahun perkhidmatan disediakan namun syarat tersebut dilihat sebagai syarat yang menzalimi pensyarah UiTM sendiri. Seorang guru berkelulusan sarjana muda boleh naik pangkat gred DG41 ke gred DG44 dalam masa 8 tahun. Dari gred DG44 ke gred DG48, guru berkenaan hanya memerlukan masa 6 tahun. Daripada gred DG48 ke gred DG52 adalah 3 tahun. Guru memerlukan 9 tahun untuk naik dari DG44 ke DG52, sedangkan pensyarah UiTM gred DM45 ke gred DM52, tanpa PhD memerlukan 20 tahun untuk layak dipertimbangkan naik pangkat. Syarat 10 tahun dengan kesetaraan PhD dilihat berat untuk dapat dipenuhi. Tempoh paling lama untuk naik pangkat gred DS45 ke gred DS52 di 20 universiti awam lain ialah 7 tahun. Sesuatu perlu dibuat untuk menjadikan profesion pensyarah UiTM dilihat lebih menarik berbanding profesion guru.

Kesemua kes-kes di atas adalah sebahagian dari aduan-aduan yang pernah diterima Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi Mara (MITASA). Bagi mengatasi permasalahan yang timbul maka hubungan MITASA dengan pengurusan atasan adalah penting. Proses rundingan dan perjumpaan menjadi medan untuk menyelesaikan permasalahan. Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) sering digunakan untuk menyelesaikan aduan-aduan yang bersifat umum untuk semua. Proses naik pangkat yang menjadi sukar boleh dipermudahkan dengan adanya perundingan bersama kepimpinan universiti.

Bingung dipulaukan oleh pengutang? Menelusuri cara menuntut hutang melalui proses kehakiman

Prof Madya Dr Faridah Hussain
Pensyarah Fakulti Undang-Undang

